

30/09/1998

Umno pasca Anwar

Kassim Ahmad

FENOMENA Anwar Ibrahim, bukan setakat pemecatan beliau dari Kerajaan dan parti, tetapi keseluruhan peristiwa kemunculan, kenaikan dan kejatuhan beliau, suatu peristiwa yang besar dan penting dalam sejarah politik bangsa kita. Besar dan penting bukan kerana kebaikannya, tetapi kerana keburukannya. Ahli-ahli sains politik dan sejarah patut mengkajinya dari beberapa segi: kemunculan dan kenaikannya, strategi dan taktik dia dan kumpulannya, penyokong-penyokongnya, perwatakannya, dan kegagalan dan kejatuhannya. Kajian ini perlu supaya kita dapat memahami fenomena ini dan mengambil iktibar daripadanya.

Anwar Ibrahim muncul bersama-sama dengan apa yang dikatakan "kebangkitan Islam" di Malaysia pada permulaan dekat 70-an, mula-mula dalam gerakan mahasiswa dan kemudian dalam pertubuhan Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) yang beliau turut tubuhkan. Ideologi Abim ialah campuran antara nasionalisme Melayu dan Islamisme konservatif anti-Barat dari falsafah Hassan al-Bana dan Maulana Maududi yang kadang-kadang digambarkan sebagai progresif dan anti-imperialis dalam zaman Perang Vietnam itu. Gerakan Muhammad Abduh dan Hassan al-Banna bukan gerakan kebangkitan Islam yang sebenar, kerana ia masih terikat dengan rumusan revisionis Imam Shafi'e dan tidak menyeru kembali kepada sumber Islam yang pertama, iaitu Quran. Oleh sebab itu, gerakan ini yang bermula dengan harapan yang besar akhirnya kecundang di tangan golongan konservatif juga. Ini dapat dilihat dari contoh revolusi Islam di Iran.

Oleh kerana Anwar mempunyai kebolehan berpidato dan oleh kerana keadaan krisis sistem politik materialis di seluruh dunia, di Asia Tenggara dan di negara kita pada masa itu, maka gerakan Islam konservatif ini berkembang hingga membawa beliau masuk ke dalam Umno pada 1982. Satu daripda tujuan besar Umno di bawah pimpinan Dr Mahathir membawa dia masuk ke dalam Umno ialah untuk mengelak dia daripada memasuki Pas dan mendatangkan cabaran "Islam Pas" kepada Umno.

Oleh kerana imej gerakan "kebangkitan Islam" yang dibawanya, kebolehannya berpidato dan oleh kerana payung Dr Mahathir yang dibawanya, maka beliau meningkat naik cepat dalam parti dan Kerajaan. Dalam masa setahun dia sudah dilantik menjadi menteri dalam Kabinet, tidak sampai setahun sudah dipilih menjadi Ketua Pemuda Umno, kemudian dipilih menjadi salah seorang Naib Presiden Umno dan dilantik menjadi Menteri Pendidikan pada 1986. Pada 1991 beliau dilantik menjadi Menteri Kewangan menggantikan Tun Daim Zainuddin dan pada akhir tahun 1993 beliau dipilih menjadi Timbalan Presiden Umno.

Kenaikan yang cepat ini bukanlah tidak boleh berlaku dalam kerjaya seseorang, termasuk ahli politik. Tetapi, yang menjadi masalah kepada Anwar ialah kerana cita-cita yang kuat untuk menjadi Perdana Menteri. Sekali lagi, tidaklah salah, malah baik, bagi seseorang untuk mempunyai cita-cita demikian, tetapi cita-cita itu mestilah bertujuan untuk kepentingan bangsa dan rakyat, bukan untuk kepentingan dirinya sendiri. Kelemahan besar Anwar ialah wataknya yang dikuasai oleh nafsu besar ini.

Sebagai seorang pemimpin, Anwar mempunyai banyak kelemahan. Pertama, ia tidak punya disiplin. Kerjanya tidak teratur. Temu janji dengan orang kadang-kadang terbengkalai. Kedua, sama ada sengaja atau tidak, kebanyakan cakupannya tidak dikotakan dan kebanyakan janjinya mungkir. Ketiga, dia bukan seorang pekerja yang baik. Prestasinya dalam semua jawatan yang dia pegang sederhana saja, dan tidak luar biasa. Tetapi, mengatasi segala

kelemahan ini, dia tidak mempunyai sesuatu pegangan ideologi yang tetap. Dia bukan nasionalis, bukan Islamis dan bukan liberal. Dia Anwar yang mahu naik ke atas! Inilah yang menyebabkan kejatuhannya.

Dalam pada itu, kita tidak harus lupa akan perwatakan Anwar yang menarik. Dia seorang ahli pidato yang boleh memukau dan mempengaruhi pendengar-pendengarnya dengan suara, nada, kata-kata dan bahasanya, walaupun kerap kali isinya kosong. Selain itu, bagi rakyat yang beragama Islam, imej beliau ialah seorang pemimpin Islam. Beliau kadang-kadang naik mimbar pada hari Jumaat membaca khutbah. Ini dianggap suatu kelebihan beliau mengatasi Dr Mahathir sendiri, kerana Dr Mahathir tidak pernah menjadi imam atau membaca khutbah di masjid.

Pemecatan Anwar dari Kerajaan dan dari parti, nampaknya, menimbulkan perasaan tidak puas hati dari beberapa kalangan dalam masyarakat kita. Bantahan yang besar ialah kerana, kata mereka, seseorang itu tidak bersalah sehingga ia dibuktikan bersalah. Prinsip ini memang benar.

Tetapi prinsip ini tidak terpakai dalam kes pembuangannya dari Kerajaan, kerana seorang menteri itu memegang jawatannya atas kesukaan Perdana Menteri. Jika Perdana Menteri tidak suka kerana sesuatu sebab, dia berhak membuangnya. Pemecatan beliau dalam parti dibuat oleh parti mengikut undang-undang parti. Parti itu sendiri ada mahkamahannya untuk menghukum anggota yang bersalah. Majlis Tertinggi telah mendengar laporan dari Presidennya dan tertuduh (Anwar) telah diberi hak membela diri. Jadi, pemecatan beliau dari Umno itu sah mengikut undang-undang Umno dan tiada siapa pun boleh mempertikai hal ini.

Bantahan yang kedua ialah sesetengah rakyat tidak percaya Anwar telah melakukan salah laku seks, seperti yang telah didakwa oleh penulis buku '50 Dalil'. Anwar sendiri telah menafikan tuduhan-tuduhan itu dalam banyak kenyataannya. Malah beliau sebaliknya mendakwa ini suatu komplot politik yang melibatkan orang-orang tertinggi dalam Kerajaan dan parti untuk menjatuhkannya. Penyokong-penyokong Anwar dan segelintir orang lain tidak yakin Anwar, seorang yang telah menonjolkan imej seorang pemimpin yang bermoral tinggi, boleh melakukan perkara-perkara yang dituduh itu. Saya tidak menyatakan Anwar telah melakukan kesalahan-kesalahan ini, kerana saya belum melihat bukti-bukti yang cukup, tetapi saya juga tidak boleh menolak kemungkinan beliau telah melakukan kesalahan-kesalahan ini, kerana saya telah melihat cukup bukti tentang watak beliau yang boleh membawa beliau kepada jenayah-jenayah demikian itu.

Setelah lebih tiga minggu beliau jatuh, ramai rakyat sudah dapat melihat kelemahan Anwar ini. Daripada seorang pemimpin Kerajaan dan parti yang taat, dia sudah menjadi seorang pembangkang kuat, malah seorang pencetus rusuhan, yang membakar semangat penyokongnya supaya menjatuhkan Dr Mahathir dan Kerajaan. Seperkara yang menarik sekali untuk kita perhatikan ialah penyokongnya sekarang, yang termasuk kaum neoimperialis Inggeris-Amerika, kalangan agama konservatif, parti-parti pembangkang dan segelintir intelektual liberal. Apakah titik persamaan di antara golongan-golongan ini? Tidak ada, kecuali kebencian mereka kepada Dr Mahathir dan Kerajaan yang beliau pimpin. Pendek kata, ini satu persekongkolan oportunistik. Persekongkolan ini tidak boleh menolong Anwar, atau kumpulan-kumpulan itu sendiri, kerana sifat oportunistiknya.

Sekarang biarlah kita tinggalkan Anwar. Sekarang, kita hendak mengemukakan satu soalan yang berat. Mengapakah Dr Mahathir sendiri dan juga pimpinan tertinggi Umno tidak dapat mengesan kelemahan-kelemahan beliau pada peringkat awal? Mengapakah setelah enam belas tahun dan setelah beliau dapat menduduki tempat dan jawatan nombor dua baru kelemahan-kelemahan ini terbuka? Dr Mahathir sendiri mengaku baru-baru ini bahawa Anwar bukan seorang Menteri Kewangan yang baik. Mengapakah beliau tidak memindahkan Anwar ke kementerian lain lebih awal dan tidak setelah

tujuh tahun? Soalan-soalan ini mungkin sulit untuk dijawab oleh Dr Mahathir sekarang.

Namun demikian, Umno dan masyarakat mestilah memikirkan masalah kaedah yang mantap untuk mengenal pasti kelemahan atau kelemahan-kelemahan seorang pemimpin pada peringkat awal serta kaedah mengatasi kelemahan-kelemahan ini seberapa segera. Oleh kerana Umno sendiri sebuah parti yang tidak mementingkan ideologi, maka disiplin ideologi tidak diutamakan. Ambil soal kolonialisme dan imperialisme.

Dalam masa setahun yang lalu, kita melihat Anwar dan kementeriannya mengambil pendirian menyebelahi dasar globalisasi negara-negara maju Barat dan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) bertentang dengan pemikiran dan kehendak Perdana Menteri sendiri. Dari segi idelogi, ini satu kesilapan besar. Menteri yang berkelakuan seperti itu boleh dipecat atau dipindahkan ke kementerian lain. Tetapi, Dr Mahathir tidak berbuat demikian.

Dalam pengalaman saya berjumpa dengan menteri-menteri secara rasmi di pejabat-pejabat mereka, pengalaman saya dengan Anwar Ibrahimlah yang paling tidak menggembirakan, kerana saya dipanggil masuk tiga-suku jam lambat daripada janji. Dalam pada itu, saya melihat beberapa orang lain keluar-masuk ketika saya menunggu itu. Ini kerja yang tidak berdisiplin. Kerja seperti ini patut ditegur oleh Perdana Menteri atau Majlis Tertinggi Umno. Demikianlah tiap-tiap kelemahan atau kesilapan menteri atau pemimpin parti mesti ditegur dan diperbetul oleh Kerajaan atau parti dengan segera supaya kelemahan atau kesilapan ini tidak membiak sehingga sukar untuk diatasi.

Islam telah mengajar kita satu prinsip yang baik dalam perkara membetulkan kesalahan dalam masyarakat. "Serukan kebaikan, larang kejahatan" ialah prinsip itu, diperintahkan dalam banyak ayat dalam Quran.

"Hendaklah ada di antara kamu suatu kumpulan yang mengajak kepada kebaikan, memerintahkan kebaikan dan melarang kejahatan. Inilah mereka yang menang." (Quran, 3:104). Ini bermakna tiap-tiap seorang kita, apalagi pemimpin, berkewajipan untuk mengajak masyarakat kepada kebaikan dan memberi sokongan dan galakan ke arah itu. Sebaliknya, kita juga berkewajipan untuk melarang perkara-perkara jahat serta tidak memberi sokongan atau bersubahat ke arah itu. Kita mestilah menjadikan prinsip ini suatu budaya dalam kehidupan kita, sebagai individu, sebagai keluarga, sebagai pertubuhan, sebagai parti dan sebagai kerajaan. Jika Umno mengamalkan budaya ini, tentulah kesilapan-kesilapan Anwar, sama ada disengajakan atau tidak, malah kesilapan-kesilapan semua pemimpinnya Umno, akan dapat dikesan dan diatasi pada peringkat awal. Jika budaya ini diamalkan, kemungkinan besar peristiwa-peristiwa pemberontakan-pemberontakan Tengku Razaleigh dan Musa Hitam dan juga Dr Mahathir sendiri tidak akan berlaku.

Alangkah sayang, seorang pemimpin yang telah diasuh begitu lama terpaksa dibuang pada peringkat akhir! Untuk melatih seorang pemimpin bukan senang. Ia memakan masa bertahun-tahun. Anwar yang cepat naik pun mengambil masa empat belas tahun. Dr Mahathir sendiri mengambil masa dua puluh empat tahun untuk menjadi Presiden Umno dan Perdana Menteri. Untuk menjadi seorang pemimpin kita memerlukan bukan saja idealisme dan ilmu, tetapi juga pengalaman yang banyak. Anwar jatuh bukan saja kerana dia tidak taat kepada ketua dan tidak sabar menunggu gilirannya, tetapi juga kerana Umno sendiri tidak mempunyai budaya kepemimpinan yang diperintahkan dalam Quran, "menyerukan kebaikan, melarang kejahatan".

Ini tidak bermakna, saya menyesali tindakan Kerajaan dan Umno membuang Anwar. Tindakan ini perlu dan wajar, kerana beliau telah menjadi penghalang besar kepada kemajuan masyarakat kita dari segi pemulihan ekonomi (kerana persekongkolannya dengan kaum neoimperialis Inggeris-Amerika) dan dari segi perkembangan masyarakat kita kepada amalan Islam yang sebenar (kerana persekongkolannya dengan kalangan agama yang

berfikiran sempit dan kolot).

Cara tegur-menegur, atau dalam bahasa politik, kritik dan kritik diri memang satu cara yang sukar untuk diamalkan, kerana masyarakat Melayu baru muncul dari sistem feodal yang menekan.

Orang bawah takut hendak menegur kesilapan ketua dan ketua pula tidak rela mendengar teguran orang bawah. Namun demikian, sebagai orang Islam, jika kita mempunyai keimanan yang kuat, keimanan ini boleh membuat kita mengamalkan budaya perundingan, tegur-menegur, memberi amanah kepada orang-orang yang layak serta memerintah dengan adil.

Saya tidak mahu menggunakan perkataan 'demokratik', seperti yang gemar dibuat oleh golongan intelektual liberal kita, kerana demokrasi Barat itu sebenarnya tidak adil.

Umno, sebagai sebuah parti orang Melayu yang beragama Islam, mesti sedar bahawa salah satu prinsip pemerintahan yang penting ialah keadilan, di samping perundingan. Ini bermakna anggota-anggota Umno mesti diajar ilmu politik supaya mereka boleh mentadbir negara kita dengan baik.

Tanpa ada ilmu politik, bagaimana mereka boleh mentadbirkan parti dan negara? Ilmu ini perlu bagi semua anggota, sekurang-kurangnya anggota-anggota pimpinan di semua peringkat, bukan setakat pimpinan Pusat saja.

Jika ilmu politik ini dipunyai oleh anggota-anggota Umno dan budaya kritik dan kritik diri ada, peristiwa penyingkiran yang mengejut, seperti yang telah berlaku kepada Anwar Ibrahim, tidak akan berlaku.

Sifat angkuh dan kepetualangan yang mungkin ada pada seorang pemimpin akan dapat dibendung dan dihapuskan, melalui budaya kritik dan kritik diri, sebelum sifat-sifat ini menjadi bahaya besar kepada parti dan bangsa.

Orang sudah mula bercakap siapa akan menggantikan Anwar. Rebutan kerusi itu mungkin sudah mula diatur. Apakah rebutan ini akan mengulangi peristiwa-peristiwa negatif dan pahit lagi? Untuk mengelak perkara ini daripada berlaku, pemimpin-pemimpin Umno mestilah sedar bahawa, seorang pemimpin boleh berkhidmat kepada parti dan bangsa di mana juga ia berada.

Parti dan rakyat akan nampak pemimpin-pemimpin yang berkebolehan serta akan mengangkat mereka ke tempat yang layak bagi mereka. Tidak perlu menabur wang, apalagi memijak kepala orang lain. Perbuatan-perbuatan keji ini lambat-laun akan mendedahkan pemimpin itu dan dia akan jatuh, seperti Anwar telah jatuh.

Perhimpunan Agung Umno tahun depan akan memilih seorang Timbalan Presiden baru. Timbalan ini akan mengambil alih jawatan dan tugas memimpin sengit sehingga memudaratkan parti dan bangsa.

Perlawanan yang sihat itu baik untuk memilih siapa yang paling baik dan paling disukai, tetapi siapa juga yang dipilih, dia harus sedar bahawa jawatan itu bukan untuk dirinya, tetapi untuk bangsa.

Dia memegang amanah bangsa. Empat puluh tahun dulu orang takut untuk memegang amanah ini, kerana ia suatu amanah yang berat. Amanah ini, diceritakan dalam al-Quran secara kiasan, telah ditolak oleh langit, bumi dan gunung-ganang, kerana takut tidak dapat menunaikannya. Tetapi amanah ini telah diterima oleh manusia. (Lihat Quran, 33:72) Penerimaan manusia akan amanah ini menunjukkan bahawa dia lebih tinggi dari makhluk-makhluk lain. Tetapi dia mestilah membuktikan dia sebenar-benarnya lebih tinggi. Ini cabaran amanah bagi kepemimpinan Umno dan kepemimpinan Melayu sekarang.

(END)